

Kerjasama ASEAN

UM - 4 OCT 2003

Oleh **BADRUL AZHAR RAHMAN**
(Di Bali, Indonesia)

SIDANG Kemuncak ASEAN ke-9 pada 7 dan 8 Oktober ini di Bali menyaksikan penyertaan terakhir daripada ketua kerajaan rantau ini yang paling senior iaitu Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Justeru, sidang ini boleh dianggap bersejarah bukan saja bagi Malaysia tetapi juga ASEAN.

Pertama kali Dr. Mahathir menghadiri sidang kemuncak ASEAN sebagai Perdana Menteri ialah pada tahun 1987. Beliau menjadi Perdana Menteri pada Julai 1981. Ketika itu ASEAN hanya dianggotai oleh negara-negara pengasas iaitu Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina dan Malaysia sendiri.

Perang Dingin masih berlaku dan perhatian keselamatan ASEAN tertumpu kepada pergolakan di Indochina. Komunis telah menguasai tiga negara Indochina - Vietnam, Kemboja dan Laos. Ketika itu, Asia Tenggara terbahagi dua dengan Indochina berada dalam blok komunis sementara ASEAN mewakili negara-negara antikomunis. Myanmar, ketika itu Burma memencilkan diri dan bersikap berkecuali. Brunei masih di bawah naungan Britain.

Negara itu mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 dan menjadi anggota ASEAN pada 1987. Pada tahun 1997 barulah anggota ASEAN bertambah iaitu Vietnam, Myanmar dan Laos. Perasmian keanggotaan ASEAN itu dibuat semasa Sidang Kemuncak Ke-5 di Kuala Lumpur.

Sepanjang kepimpinan Dr. Mahathir selama 22 tahun, Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam mencorakkan ASEAN, khususnya dalam mendapatkan perdamaian di Indochina. Apabila Vietnam mencebrolah Kemboja, ketika itu dikenali sebagai Kampuchea pada tahun 1983, ASEAN mengambil pendirian memberi sokongan kepada kemerdekaan rakyat Kemboja menentukan nasib sendiri. Kini konflik di Indochina sudah lama berakhir. Semua negara-negara di situ sudah menyertai ASEAN.

Di penghujung pemerintahan Dr. Mahathir di Malaysia, ASEAN sudah bersatu dengan semua negara Asia Tenggara menjadi anggota pertubuhan serantau yang berjaya itu. Kini negara-negara anggotanya itu terdiri daripada Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina, Brunei, Laos, Kemboja, Vietnam, Myanmar dan Malaysia. Papua New Guinea menjadi anggota pemerhati sejak tahun 1995.

Pada masa ini isu pemimpin pembangkang Myanmar, Aung San Suu Kyi menjadi bahan perbincangan dalam sidang kemuncak para pemimpin pertubuhan serantau itu di Bali.



Selain itu, sidang kemuncak itu dijangka memberi tumpuan kepada usaha memperkukuhkan kerjasama keselamatan dan ekonomi bagi menghadapi persaingan perdagangan dari luar rantau itu dan ancaman keganasan.

Keganasan di Bali 12 Oktober 2003 terus diingati. Salah seorang tertuduh dalam serangan bom di Bali pada tahun lalu, Mukhlis dijatuhkan hukuman mati oleh mahkamah di Denpasar kelmarin. Ia berlaku ketika para pegawai ASEAN mula tiba di pulau peranginan tersebut bagi mengatur persiapan menjelang Sidang Kemuncak ASEAN.

Sebelum ini adiknya, Amrozi dikenakan hukuman yang sama manakala seorang lagi, Ali Imron dikenakan hukuman penjara seumur hidup. Seorang lagi tertuduh, Imam Samudera turut dikenakan hukuman mati. Beberapa tertuduh utama yang lain masih menunggu perbicaraan masing-masing di atas penglibatan mereka dalam serangan bom di Bali yang menggegarkan Asia Tenggara dan Indonesia khususnya hampir setahun yang lalu.

Serangan bom di Bali yang meragut 202 nyawa kebanyakannya pelancong asing membangkitkan Indonesia dari tidur. Ia membuka segala pekung di dada dan menyedarkan ASEAN daripada kesilapan-kesilapan yang dilakukannya selama ini serta membuktikan bahawa keganasan tidak mengenal tempat atau bangsa. Serangan itu juga menunjukkan bahawa misi memerangi keganasan tidak boleh dipikul secara sendirian.

Sejak tarikh itu, negara-negara ASEAN memaksakan dirinya untuk bersatu, bertukar-tukar maklumat perisikan dan saling bantu membantu untuk mengelakkan berulangnya kejadian keganasan seumpama itu.

Sebelum ini maklumat perisikan agak sukar dikongsi bersama malah ada negara yang menyifatkan keganasan tidak akan singgah atau berlaku di bumi mereka.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN di Kemboja November lalu, isu keganasan memonopoli mesyuarat tersebut. Ketua-ketua kerajaan badan serantau itu secara terbuka

atasi keganasan